

FGIC pupuk budaya kerja tulus

Kuantan: Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Yayasan Pahang (YP) melancarkan Pusat Tadbir Urus Korporat dan Integriti (FGIC) di UMP kampus Gambang di sini, baru-baru ini.

Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, FGIC yang dikendalikan Fakulti Pengurusan Industri UMP berperanan sebagai institusi bertanggungjawab memupuk budaya kerja tulus, cekap dan berintegriti melalui program penyelidikan, forum dan latihan.

"Ia juga mempunyai pakar rujuk dalam bidang tadbir urus korporat dan integriti dengan mendapat perakuan daripada Institut Tadbir Urus Korporat Malaysia (MICG), Institut Integriti Malaysia dan Jabatan Audit Negara," katanya ketika berucap pada majlis perasmian FGIC, baru-baru ini.

Majlis perasmian FGIC disempurnakan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Pertanian dan Industri Asas Tani negeri Datuk Shafik Fauzan Sharif yang mewakili Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob.

Daing Nasir berkata, FGIC antara lain berperanan menjalankan kajian

mengenai isu berkaitan tadbir urus dan integriti, menyediakan platform perhubungan industri.

Beliau berkata, ia akan melaksanakan program latihan untuk meningkatkan kefahaman dan penghayatan awam terhadap isu tadbir urus dan integriti.

"Pusat ini juga membangun dan menerbitkan laporan serta buletin berdasarkan penyelidikan bagi manfaat awam, mengeluarkan cadangan penyelidikan untuk dibiayai dengan geran awam atau swasta selain menjadi penghubung antara badan profesional dalam bidang

berkenaan," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, UMP turut menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bersama dua universiti terkemuka di Indonesia bagi mengukuhkan hubungan pendidikan tinggi negara serumpun.

"Dua universiti berkenaan ialah Universitas Teknologi Yogyakarta dan Bina Universiti di Jakarta. MoU itu membabitkan kerjasama pintar yang meliputi platform kuliah pembelajaran global, kerjasama penyelidikan dan pertukaran pelajar dan kakitangan antara universiti," katanya.



SHAFIK Fauzan (tengah) menyaksikan pertukaran MOU antara Daing Nasir (kiri) dan Pengurus Besar Yayasan Pahang, Datuk Mahmud Mohd Nawawi.